

14 JAN 1997

LEAD Mahathir-IAP

TOKOH INDUSTRI IT BERSETUJU MENJADI PENASIHAT MSC

Oleh: Salmy Hashim

LOS ANGELES, 14 Jan (Bernama) -- Sebanyak 25 tokoh dalam industri teknologi maklumat bersetuju menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang akan membimbing dalam membangunkan Koridor Raya Multimedia Malaysia.

Panel 30 anggota itu akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan antara mereka ialah Bill Gates dari Microsoft. Mesyuarat sulung IAP akan berlangsung Khamis ini di Stanford University dekat San Francisco.

Mesyuarat itu akan dianjurkan oleh Dean Michael Spence dan Prof William Miller dari Stanford, demikian menurut Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dalam kenyataannya hari ini.

Anggota lain dalam panel itu ialah Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, perunding terkemuka teknologi maklumat Kenichi Ohmae, Pengerusi, presiden dan ketua pegawai eksekutif (CEO) EDS Corporation Lester Albertal, pengerusi dan CEO Apple Computer Gilbert Amelio, presiden dan CEO Netscape Communications Corp James Barksdale, pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation Robert R. Bishop;

Penasihat Kanan Center for Strategic and International Studies Diana Lady Dougan, presiden dan CEO Oracle Corporation Larry Ellison, naib pengerusi Bechtel Group Inc Fred Gluck, presiden Sony Corporation Nobuyuki Idei, pengerusi kumpulan Lucky-Goldstar Bon Moo Koo, pengerusi dan CEO Madge Networks Robert Madge, pengerusi, presiden dan CEO Nets Inc Jim Manzi, pengerusi, presiden dan CEO Sun Microsystems Inc Scott McNealy, naib presiden kanan eksekutif Nippon Telephone and Telegraph (NTT) Noboru Miyawaki, presiden, CEO dan pengarah BDM International Philip Odeen;

Presiden dan CEO Compaq Computers Eckhard Pfeiffer, pengerusi, presiden dan CEO Hewlett-Packard Lewis Platt, pengerusi dan CEO Kumpulan Acer Stan Shih, presiden dan CEO Softbank Masayoshi Son, pengerusi Motorola Gary Tooker, pengerusi, presiden dan CEO BCE Lynton Ronald Wilson, CEO IBM Louis Gerstner, pengerusi Siemens Corporation Dr Heinrich von Pierer, presiden Fujitsu Tadashi Sekizawa dan pengasas Toffler and Associates Alvin Toffler.

Lima anggota - Gates, Gerstner, von Pierer, Sekizawa, dan Toffler - telah menyatakan mereka tidak dapat menghadiri mesyuarat Khamis itu.

Bagaimanapun, ketidakhadiran mereka tidak akan mengganggu pertemuan bersejarah dalam sebuah bilik begitu ramai tokoh-tokoh utama dalam teknologi maklumat.

Mesyuarat itu akan memberi peluang kepada anggota IAP untuk menyumbang terhadap pembentukan persekitaran yang ideal bagi pertumbuhan industri multimedia di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Operasi MDC, Dr Mohamed Arif Nun berkata Perdana Menteri akan "lebih banyak mendengar daripada bersuara" bagi membolehkan anggota mengambil bahagian sepenuhnya dalam membentuk MSC.

Katanya ada kemungkinan mesyuarat itu diadakan setahun sekali dan mesyuarat kedua dirancang berlangsung di Kuala Lumpur. Lebih banyak anggota akan disenaraikan selepas misi MDC seterusnya ke Eropah pada April ini.

Katanya MDC berharap antara 20 dan 30 syarikat yang diwakili anggota IAP seterusnya akan melabur dalam MSC, yang diwujudkan khusus untuk menarik pemaju utama teknologi-teknologi multimedia.

Rakan kongsi dalam projek MSC akan juga menikmati faedah daripada dasar dan undang-undang siber yang baru yang bertujuan untuk menggalakkan perniagaan elektronik, memudahkan pelaksanaan pembangunan multimedia dan

mengadakan undang-undang bagi melindungi hakcipta harta intelek.

Tanggungjawab utama anggota IAP bertujuan menasihati Perdana Menteri dan kerajaan mengenai isu-isu strategi berhubung MSC seperti prasarana dan alam sekitar, dasar dan undang-undang siber, pemasaran dan galakan, dan pembangunan industri tempatan, menurut kenyataan MDC itu.

MDC yang menyelaras lawatan Perdana Menteri ke California dan Jepun berkata Dr Mahathir akan juga menyampaikan ucapan pada dua persidangan untuk eksekutif syarikat-syarikat teknologi yang berminat mengembangkan perniagaan mereka di Asia menerusi MSC di sini esok, dan di Stanford pada Rabu.

Dr Arif berharap syarikat-syarikat yang melabur dalam MSC akhirnya akan berkongsi dengan syarikat-syarikat IT tempatan dalam pembangunan teknologi dan memajukan bersama barangan.

"Bagaimanapun kami tidak menjangkakan perkara seumpama ini akan berlaku sekelip mata," katanya.

Beliau juga berharap MSC akan menjadi "pintu bagi pengedaran barangan IT di seluruh dunia".

-- BERNAMA

SAL AHH